

RASUAH



APA ITU RASUAH?

Panggilan Rasuah

- Kaw tim
- Duit kopi
- Settle
- Under counter payment/money
- Duit Pelincir
- Tangkal pengeras



Seorang pegawai kanan imigresen raih RM2.3 juta

KUALA LUMPUR 31 Julai - Seorang pegawai kanan imigresen berpangkat Timbalan Penolong Pengarah yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) tahun lalu kerana terlibat dalam kegiatan menyeludup manusia dikesan mengumpul pendapatan mencecah RM2.3 juta.

Pegawai kanan itu antara lapan pegawai imigresen yang diberkas terlibat dalam kegiatan tersebut di Lapangan Terbang Tambang Murah (LCCT) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), sejak tiga tahun.

Menurut sumber, pegawai kanan yang berasal dari negeri pantai timur itu menyembunyikan sumber pendapatan haram tersebut dengan memiliki beberapa aset di negara jiran menggunakan nama isterinya, selain menjalani kehidupan mewah di dalam negara.

Difahamkan, kutipan yang diperoleh daripada setiap warga asing diseludup masuk melalui pintu masuk adalah antara RM80 dan RM250.

Bagaimanapun, jumlah itu meningkat sehingga RM300 bagi setiap individu berikutan kegiatan tersebut telah dihidu pihak berkuasa yang membawa kepada beberapa penangkapan.

Sumber berkata, sindiket penyeludupan tersebut mengenakan kos transit melalui laut ke negara ketiga antara USD15,000 (RM44,500) hingga USD18,000 (RM53,400) bagi setiap kemasukan.

"Kos transit melalui udara pula mencecah sehingga USD25,000



PENDATANG asing tanpa izin juga diseludup masuk ke negara ini melalui jalan laut.

(RM74,200) hingga USD35,000 (RM104,000) bergantung ke destinasi.

"Kos tersebut termasuk penyediaan makanan, tempat tinggal, dokumen palsu jika perlu dan wang

sogokan," katanya lagi.

Seramai lapan pegawai imigresen ditahan Akta Keselamatan Dalam

Negeri (ISA) tahun lalu, manakala seorang lagi pegawai ditahan pada 24 Mei lalu.

Pegawai hutan ditahan, wang tunai RM720,000 dirampas

● Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang pegawai kanan Jabatan Perhutanan Perak dan merampas wang tunai sebanyak RM720,000 ketika menyerbu rumah lelaki itu di Gerik malam semalam.

● Kesemua wang tunai yang ditemui di rumah itu, disorokkan di dalam lipatan kain telekung serta di bahagian dapur dan ruang tamu.

SUMBER SPRM

● Dalam serbuan itu, SPRM turut menemui beberapa akaun saham amanah atas nama ahli keluarganya dengan nilai pelaburan mencecah RM4 juta.

● Serbuan itu adalah susulan penahanan seorang pegawai jabatan berkenaan berusia 40-an dan seorang tauke balak di Hutan Kuar, Pangkalan Hulu, kelmarin, dan menyita 300 batang kayu balak, dipercayai ditebang di luar kawasan.

BERITA PENUH DI MUKA 11

DEFINISI – (cont)

UNDANG-UNDANG

Seksyen 3 Akta SPRM 2009 –

- Wang, Derma, Pinjaman, Hadiah
- Jawatan, Kebesaran, Kontrak Perkhidmatan
- Pelepasan, Penyelesaian Pinjaman
- Diskaun, Komisyen, Rebat, Bonus
- Perkhidmatan dan pertolongan lain.



BENTUK-BENTUK KESALAHAN

RASUAH DALAM AKTA SPRM 2009

- Menerima dan memberi suapan – Seksyen 16 & 17
- Cuba untuk memperoleh atau menawarkan apa-apa suapan – Seksyen 17
- Kesalahan dengan maksud untuk memperdayakan prinsipal atau ejen [tuntutan palsu] – Seksyen 18
- Kesalahan menggunakan jawatan atau kedudukan untuk suapan – Seksyen 23

Bila Hadiah Menjadi Rasuah

Seseorang pegawai tidak boleh menerima atau tidak boleh membenarkan isteri atau memberi bagi pihaknya secara langsung atau tak langsung apa-apa hadiah (samada dalam bentuk zahir atau selainnya) daripada atau kepada mana-mana persatuan, badan, orang atau kumpulan orang jika:

- Penerimaan atau pemberian hadiah itu mempunyai kaitan dengan apa-apa cara dengan pelaksanaan tugas pegawai itu ; dan
- Bentuk,amaun atau nilai hadiah itu tidak sepadan dengan maksud hadiah diberikan .



Bila Hadiah Menjadi Rasuah

Penerimaan hadiah itu menjadi satu kesalahan apabila

- Hadiah itu diterima atau diminta secara atau niat rasuah (corruptly or with corrupt intention) bahawa ia adalah satu dorongan atau upah kepada pegawai itu ;
- Orang yang memberi hadiah itu mempunyai perhubungan dengan kerja rasmi pegawai itu
- Hadiah itu diterima dengan niat jenayah (means rea) (sek.165 kanun kesiksaan)



Bila Hadiah Menjadi Rasuah

Seseorang pegawai boleh memberi atau menerima keraian kepada atau dari mana-mana orang jika ;

- Keraian itu tidak dengan apa cara mempengaruhi pelaksanaan tugas rasminya sebagai seorang penjawat awam bagi kepentingan orang itu ; dan
- Pemberian atau penerimaan keraian itu tidak dalam apa cara tak konsisten dengan tatakelakuan dan etika yang ditetapkan di bawah peraturan organisasi .

PENALTI BAGI KESALAHAN RASUAH

SEKSYEN 24 Akta SPRM 2009

Penalti bagi kesalahan di bawah seksyen 16, 17, 18, 20, 21, 22 dan 23 Akta ini:

Jika disabitkan dengan kesalahan boleh di hukum penjara tidak lebih 20 tahun dan dikenakan denda tidak kurang 5 kali nilai suapan atau RM 10 ribu ringgit yang mana lebih tinggi.

KESALAHAN DAN PENALTI



**Palace of Justice
Putrajaya**

Seksyen 33 : Penyitaan harta alih

Seksyen 37 : Arahan untuk tidak melepaskan harta alih di bank

Seksyen 38 : Penyitaan harta tak alih

Seksyen 40 : Pelucuthakan harta apabila pendakwaan dibuat bagi sesuatu kesalahan

Seksyen 41 : Pelucuthakan harta jika tiada pendakwaan bagi sesuatu kesalahan

PENALTI BAGI KESALAHAN RASUAH

Seksyen 36 (3)

Gagal memberikan penjelasan memuaskan bagaimana memiliki lebih harta

Hukuman

Penjara minima 20 tahun

Atau

**Denda lima kali nilai suapan atau RM 10,000
mana yang lebih tinggi**

▪

Samb.

Rasuah kembali ganas!

FAM dedah 3 pasukan Liga Super, Perdana disiasat Polis, SPRM

Oleh Wan Fakhru Bakar
wanfakhru@bharian.com.my

GEJALA rasuah dan kegiatan mengatur keputusan perlawanan di negara ini seakan-akan menular kembali apabila Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), semalam mendedahkan terdapat tiga pasukan Liga-M musim ini sedang disiasat Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Pengerusi Jawatankuasa Pemeriksaan, Pemantauan dan Ketelusan FAM, Tan Sri Asch Che Mat berkata, siasatan ke atas tiga

pasukan itu mendapati bahawa sindiket terbabit bukan saja berpusat di negara ini, malah negara jiran.

"Pada mesyuarat tadi (semalam), pihak PDRM dan SPRM memberi taklimat mengenai tiga pasukan yang sedang disiasat lanjut. Jadi pihak jawatankuasa akan melakukan tindakan drastik membawa hal ini ke Jawatankuasa Tata tertib FAM untuk tindakan selanjutnya.

"Saya tak boleh dedahkan tiga pasukan ini dari Liga Super atau Liga Perdana. Tapi pasukan yang pernah saya asaskan turut dika-

takan terbabit. Harap tindakan sewajarnya dikenakan," katanya pada sidang media di Wisma FAM, Kelana Jaya, petang semalam.

Sebagai langkah awal, Asch berkata, anggota sindiket warganegara Malaysia akan disekat Jabatan Imigresen Malaysia untuk ke luar negara manakala anggota sindiket antarabangsa terbabit pula disekat kemasukan mereka ke negara ini.

LIHAT MUKA 35



SEKSYEN 25

**KEWAJIPAN
MELAPORKAN
TRANSAKSI
PENYOGOKAN**

KEWAJIPAN BERSAMA

**LAPORKAN JIKA MANA-MANA ORANG (ANDA)
DITAWAR,
DIJANJI ATAU DIBERIKAN RASUAH
Seksyen 25 (1) ASPRM 2009
JIKA GAGAL!!!**

**DENDA RM100,000 ATAU PENJARA
TIDAK LEBIH 10 TAHUN ATAU
KEDUA-DUANYA**

SEKSYEN 25 (2) , ASPRM 2009

KEWAJIPAN BERSAMA

**MANA-MANA ORANG (ANDA) HENDAKLAH
MELAPORKAN DARIPADANYA SUAPAN
DIMINTA ATAU DIPEROLEH ATAU SUATU
PERCUBAAN TELAH DIBUAT UNTUK
MEMPEROLEH SUAPAN TANPA ALASAN
MUNASABAH**

Seksyen 25 (3) ASPRM 2009

JIKA GAGAL!!!

**DENDA RM10,000 ATAU PENJARA
TIDAK LEBIH 2 TAHUN ATAU
KEDUA-DUANYA**

Seksyen 25 (4) ASPRM 2009

PETANDA RASUAH

- **Perubahan gaya hidup secara tiba-tiba.**
- **Gagal menjelaskan punca perolehan harta.**
- **Kerap menerima tohmahan berkaitan perlakuan rasuah.**
- **Perhubungan yang terlalu rapat dengan pembekal/kontraktor.**
- **Enggan ditukarkan atau dinaikkan pangkat.**
- **Selalu menerima panggilan telefon yang mencurigakan.**
- **Penglibatan luar biasa dengan jabatan/bahagian lain.**

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB ANDA

**MEMBERI DAN MELAPOR
MAKLUMAT**

CARA-CARA MEMBERI MAKLUMAT

- 1. Datang sendiri ke mana-mana pejabat SPRM terdekat**
- 2. Telefon SPRM melalui talian biasa atau Tol free 1800 88 6000**
- 3. Tulis surat ke Peti Surat 6000 (tanpa setem)**

CARA-CARA MEMBERI MAKLUMAT (cont.)

**4. Hubungi mana-mana pegawai
SPRM**

**5. Gunakan laman web SPRM
<http://www.sprm.gov.my>
e-mail : info@sprm.gov.my**



SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM),

Blok D6, Kompleks D,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan.


Peti Surat 6000, 62007 Putrajaya, Malaysia

TELEFON PEJABAT:

03 – 8886 7000

Faks: 03 – 8889 4329

(Unit Menerima Maklumat)



'CORRUPTION'
is my name

and **DESTRUCTION**
is my game

KESAN NEGATIF RASUAH PALING UTAMA



MENJEJASKAN KEMASUKAN PELABUR ASING DALAM NEGARA ...

FDI NEGARA DALAM DOLAR AMERIKA :

2007 – RM8.595 Billion
2008 - RM7.172 Billion
2009 –RM1.453 Billion
2010 – 9.103 Billion
2011 – 11.966 Billion
2012 (1st Half) – 4.533 Billion

KESAN-KESAN RASUAH

Umum

- **Menjejaskan kelicinan dan kecekapan pentadbiran kerajaan.**
- **Berlaku ketidakadilan dalam ekonomi.**
- **Meningkatkan jurang antara yang kaya dengan mereka yang miskin.**
- **Meningkatkan kadar jenayah yang boleh mengancam keselamatan negara, nyawa dan harta benda.**
- **Meningkatkan kos dan sara hidup.**

KESAN-KESAN RASUAH

Individu

- **Pesalah rasuah akan didenda dan dipenjara.**
- **Harta yang diperolehi daripada hasil rasuah akan dirampas.**
- **Keluarga pelaku rasuah akan dipandang hina.**
- **Peluang kemajuan kerjaya akan terjejas.**
- **Tiada keberkatan dalam kehidupan sekiranya memakan hasil rasuah.**



MALACCA – An engineer charged for accepting bribe of RM 7,000.00 from Mohd. Shamsur bin Kamis as a favor to help Mohd Shamsur to **obtain a contract of work for the contractor.**

Section 17(a) of the MACC Act 2009

MONEY MONEY MONEY

Money can buy you bed but not sleep.

Money can buy you books but not knowledge.

Money can buy you food but not appetite.

Money can buy you clothes but not beauty.

Money can buy you house but not home.

Money can buy medicine but not health.


Money can buy you luxuries but not happiness.

When money is lost, not everything is lost.



But

When character is lost then everything is lost.



REmEMbER

Don't worry
If you are right.....

**WE CAN MAKE A DIFFERENCE
FIGHT CORRUPTION**

So act at once!

REPORT CORRUPTION

Terima kasih